

UMP cipta kit solar untuk pengembara

GUA MUSANG 21 Mei - Sekumpulan pelajar dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya mencipta produk teknologi hijau iaitu UMP Kit Solar Pengembara (UST-Kit) bagi kegunaan pengunjung ke kawasan pedalaman seperti Taman Negara.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Prof. Madya Dr. Kamarul Hawari berkata, melalui inovasi baharu ini, pelajar FKEE menjadikan tenaga solar sebagai salah satu punca menjana elektrik yang mempunyai kelebihan mudah alih serta mudah dibawa ke mana-mana.

Katanya, alatan itu mengambil masa enam bulan untuk disiapkan dan mereka telah mengenal pasti Taman Negara Kuala Koh di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) sebagai projek permulaan.

“UST-Kit ini sesuai digunakan oleh pelancong atau pengembara yang selalu berdepan kesulitan untuk melakukan aktiviti di kawasan pedalaman atau yang tiada sumber elektrik.

“Kelebihan solar ini adalah boleh digunakan di banyak tempat kerana tenaganya dapat bertahan

dalam jangka masa yang lama iaitu melebihi tenaga bateri sedia ada,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan UST-Kit kepada Perhilitan di Taman Negara Kuala Koh di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Perhilitan negeri, Mohammad Khairi Ahmad.

Kamarul berkata, sebagai permulaan, pihaknya menyerahkan alatan tersebut kepada pihak Perhilitan di Taman Negara Kuala Koh di sini untuk diuji dan melihat hasil atau keberkesanan alat itu kepada pengunjung.